

TARIKH	29 104 / 2014	SEKSYEN	SETEMPAT
MUKA SURAT	19	RUANGAN	

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan mengesahkan tiada kes baru membabitkan jangkitan akibat Sindrom Pernafasan Asia Barat (MERS-CoV) di Johor selepas tamat tempoh 14 hari pengawasan kesihatan oleh Kementerian, kelmarin.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, secara keseluruhannya 222 individu dikesan dan diperiksa di seluruh negara dan semuanya

## Tiada kes baru jangkitan MERS-CoV

disahkan sihat.

Beliau berkata, tiada sampel positif dikesan daripada 79 sampel yang diambil dari kenalan rapat mangsa pertama rakyat tempatan yang maut akibat wabak berkenaan sebelum ini.

"Justeru, kami ingin sahkan tiada kes baru dikesan dan tiada kluster jangkitan

MERS-CoV dilaporkan di seluruh negara menjadikan jumlah kematian kekal iaitu satu kematian," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, pihaknya juga memohon kerjasama daripada agensi

**FAKTA**  
WHO lapor 261 kes MERS-CoV seluruh dunia babitkan 93 kematian

pelancongan khusus yang menguruskan jemaah umrah agar memperkuatkan kesedaran kejadian jangkitan

MERS-CoV ini menerusi hebahan maklumat secara berterusan

kepada jumaah yang diuruskan.

Beliau berkata, agensi berkenaan juga diminta merujuk kepada nasihat kesihatan yang disarankan Kementerian Kesihatan.

Menurutnya, pihaknya juga akan terus memantau situasi wabak berkenaan dan akan memaklumkan

sebarang perkembangan dari semasa ke semasa.

"Orang ramai juga boleh mendapatkan maklumat terkini jangkitan MERS-CoV dari laman sesawang Kementerian iaitu [www.moh.gov.my](http://www.moh.gov.my)," katanya.

Katanya, sehingga 26 April lalu, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menerima 261 kes MERS-CoV disahkan melalui ujian makmal meliputi 93 kematian dari seluruh dunia.